

**SOALAN NO: 131**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI  
[ CHERAS ]**

**TARIKH : RABU, 11 JUN 2014**

**RUJUKAN : L6 [PR-1322-L62994]**

**SOALAN :**

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan berkaitan dengan cadangan pembangunan semula tanah Kerajaan di mana velodrom dan pejabat Jabatan Kejuruteraan dan Mekanikal DBKL terletak, berapakah keluasan setiap tanah, nama pemilik asalnya, siapakah yang membeli atau memajak tanah, harganya, jenis pembangunan semula yang dicadangkan serta bilakah dan di manakah velodrom dan jabatan-jabatan DBKL akan ditempatkan semula.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, tanah kerajaan di velodrom seluas 13.68 ekar telah pun dijual kepada Syarikat Jakel Sdn. Bhd. dan cadangan pembangunan yang akan dibangunkan adalah berbentuk pembangunan bercampur. Manakala tanah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal seluas 10.5 ekar telah dijual kepada Syarikat Perano Properties Development Sdn. Bhd. dan cadangan pembangunan yang akan dibangunkan adalah berbentuk pembangunan bercampur juga.

Harga jualan tanah adalah mengikut harga pasaran yang telah dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan Malaysia. Kadar harga tanah Stadium Velodrom Cheras adalah RM223 sekaki persegi seperti mana dinilai oleh JPPH.

Pejabat Jabatan Kejuruteraan Mekanikal akan dibangunkan semula di atas tanah Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) berdekatan dengan Taman Tasik Metropolitan, Kepong.

**No. SOALAN:132**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[DUNGUN]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk mewujudkan sistem pengangkutan perkhidmatan kereta api bagi kemajuan dan pembangunan negeri Terengganu.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur mengenal pasti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sebagai salah satu projek infrastruktur penting bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Projek ini akan menjadi pemangkin mempercepatkan pembangunan industri di ECER yang merangkumi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor.

Status projek pada masa ini ialah ia masih di peringkat kajian daya maju (viability).

Sekian, terima kasih.